

## Benarkah 'Melayu' Bangsa Taoisme Menurut Pengertian *Adat Raja-Raja Melayu (1779M)?*

TEE BOON CHUAN

Makalah ini mengupas dan membandingkan falsafah Melayu dan Cina dengan mengfokuskan kesamarasaan antara 'Melayu' dan 'Cina'. Selama ini, bandingan falsafah Melayu-Cina agak menghampakan, kerana pengajian Melayu-Cina itu sendiri kurang berkembang di negara ini. Faktornya adalah kurangnya minat dan perhatian ke atas pengajian Melayu dan Cina, sedangkan penyejarahan falsafah Cina sudah jauh menjangkau keperluan asas bagi bandingan itu. Buku mengenai sejarah falsafah Cina dalam bahasa Melayu-Indonesia cukup banyak, tidak termasuk buku seumpama itu dalam bahasa Cina dan Inggeris. Antara buku dalam bahasa Melayu itu adalah *Alam Fikiran Cina* (1989), *Sejarah Ringkas Falsafah Cina* (2006) dan *Sejarah Filsafat Cina* (2007) yang merupakan penterjemahan daripada karya H. G. Creel dan Fung Yu-Lan.<sup>1</sup>

Selain itu, faktor lain yang menjejaskan pengajian Melayu tempatan adalah kurangnya penyejarahan falsafah Melayu itu sendiri. Keadaan itu dilaporkan Ahmad Kamal Abdullah dan kawan-kawannya (2006) "meskipun sudah terdapat sejumlah buku tentang sejarah kesusasteraan Melayu, namun sehingga kini masih belum ditemui sebuah buku yang lengkap membicarakan sejarah kesusasteraan Melayu moden yang lebih komprehensif".<sup>2</sup> Keadaan ini disebabkan bukan sahaja tidak ada buku sejarah falsafah Melayu yang komprehensif, tetapi juga buku penyejarahan falsafah Melayu boleh dibilang dengan jari sebelah tangan sahaja. Berlatarbelakangkan sinario itu, makalah ini dimulakan dengan daya dan caranya yang tersendiri untuk menemukan kesamarasaan antara falsafah 'Melayu' dan Taoisme Cina. Untuk tujuan bandingan falsafah ini, makalah ini tidak mengambil pengertian orang 'Melayu' dalam Perlembagaan Persekutuan yang sudah diketahui umum:

'Orang Melayu' ertinya orang yang menganut agama Islam, lazimnya bercakap bahasa Melayu, menurut adat Melayu dan —

- (a) yang lahir sebelum Hari Merdeka di Persekutuan atau Singapura atau yang lahir sebelum Hari Merdeka dan ibu atau bapanya telah lahir di Persekutuan atau di Singapura, atau yang pada Hari Merdeka berdomisil di Persekutuan atau di Singapura; atau
- (b) ialah zuriat seseorang yang sedemikian;<sup>3</sup>

Kelemahan dalam pengertian itu adalah ia tidak menjelaskan sama sekali apakah itu 'adat Melayu' khususnya yang merupakan penjelmaan falsafah bangsa, tetapi mengandaikannya sebagai suatu yang sudah sedia diketahui,<sup>4</sup> atau sememangnya andaian itu adalah benar kerana Perlembagaan Persekutuan

diasaskan pada pengertian yang sudah wujud sebelumnya, khususnya *Adat Raja-Raja Melayu* (disingkatkan kepada *ARRM* selepas ini), karya yang digubah Datuk Kapitan Sulaiman (kapitan Melayu Melaka semasa penjajahan Belanda) pada tahun 1779.

Selain menjelaskan adat-adat raja Melayu seperti adat hamil, adat bersalin, adat bercukur rambut, adat bersiram, adat membuat bini hingga adat raja mangkat, *ARRM* telah menjelaskan erti ‘Melayu’ sedemikian:

“Pasal pada menyatakan adapun arti Melayu itu, adalah ia melayukan dirinya. Yaitu seperti yang diibaratkan orang dahulu kala daripada arti “Melayu” adalah seumpama pucuk kayu yang melayukan dirinya, dan bukan layunya itu karena kena panas atau api. Bahawanya dengan sahaja-sahaja ia jua yang melayukan dirinya, yakni ia merendahkan dirinya dan tiada ia mau membesarkan dirinya, baik daripada adab-tertibnya, atau daripada bahasa peraturannya atau daripada adab makan-minumnya, dan perjalanannya dan kedudukannya. Sama ada di dalam majelis... atau pada tempat yang lain. Maka daripada segenap perkara itu tiada diperbuatannya itu dengan mamang, melainkan adalah dengan perangnya yang lemah-lembut; tiada dengan berlebih-lebihan dan dengan kekurangan. Itulah adalah hamba terima daripada Tuan Haji Abdul Arib di dalam negeri Riau adanya. *Intaha 'l-kalam* daripada segenap perkara. Itulah arti “Melayu” yang dibahagikan orang dahulu-dahulu.”<sup>5</sup>

Berdasarkan pengertian itu, ‘Melayu’ merujuk kepada suatu perilaku yang ‘melayukan diri’ iaini ‘merendahkan diri’ (dan bukannya membesarkan diri) dengan sedar dan bukannya terpaksa bagaikan kayu yang layu terkena api atau panas. Menurut *ARRM* lagi, kerendahan hati ini boleh juga dimengerti dengan maksud lain, termasuk ‘perangnya yang lemah-lembut’ (dan bukan ‘diperbuatnya itu dengan mamang’) serta ‘dengan kekurangan’ (dan bukannya ‘dengan berlebih-lebihan’).

Pengertian ini nyatalah bukan kepercayaan *ARRM* semata-mata, tetapi pengertian ‘yang dibahagikan orang dahulu-dahulu’, iaitu kepercayaan yang telah diturunkan dari masa ke masa. *ARRM* yang dikarang di Melaka itu telah menyatakan sumber pengertiannya yang diperoleh dari negeri Riau, sekaligus telah mengesahkan bahawa pengertian ini dikongsi sama oleh masyarakat Melayu di serata tempat.

#### ‘MELAYU’ SEBAGAI KONSEP FALSAFAH DARIPADA PERSPEKTIF TAOISME

Apakah keunikan pengertian ‘Melayu’ itu dalam *ARRM*? Sekiranya pengertian tentang “Melayu” dalam Perlembagaan Persekutuan itu adalah pengertian dari segi politik, bolehkah pengertian “Melayu” dalam *ARRM* itu disifatkan sebagai pengertian dari segi falsafah, sekaligus menggambarkan keunikannya? Bagaimana

pula dapat kita jelaskan kefalsafahan dalam konsep 'Melayu' dalam *ARRM* jika ia suatu pengertian falsafah?

Satu cara penjelasannya ialah menjelaskan pengertian itu sebagai suatu sistem falsafah yang sudah dimaklumi dan diakui kefalsafahannya. Dalam objektif bandingan falsafah antara Melayu dan Cina dalam makalah ini, sistem falsafah yang dimaksudkan itu tidak lain daripada tiga falsafah utama Cina, iaitu Konfusianisme, Taoisme dan Buddhisme. Tetapi, kefalsafahan konsep 'Melayu' dalam *ARRM* itu lebih menyerlah bila kita menjelaskannya menurut falsafah Taoisme dan bukannya Konfusianisme atau Buddhisme sepanjang sejarah falsafah Cina.

Biar kita ulangi inti pengertian 'Melayu' dalam *ARRM* sebelum menjelaskannya menurut falsafah Taoisme. Dalam pengertian *ARRM*, 'Melayu' merujuk kepada suatu *sifat* perilaku yang 'melayukan diri' atau merendahkan diri secara sedar, iaitu dengan rela hati dan bukannya terpaksa. Sifat dan sikap perilaku sedemikian banyak terungkap dalam *Tao Te Ching (Daodejing)*, iaitu kitab yang menggarisbawahi falsafah Taoisme.

Jika 'Melayu' dalam *ARRM* itu lebih menjurus kepada sifat dan sikap perilaku yang merendahkan diri 'daripada adab-tertibnya, atau daripada bahasa peraturannya atau daripada adab makan-minumnya, dan perjalanannya dan kedudukannya', maka rendah diri dalam *Tao Te Ching* itu tertumpu kepada perilaku maharaja dalam pemerintahannya seperti yang dijelaskan dalam bab 66 yang dipetik di bawah ini:

66.1 Sebab lautan dapat menjadi hala tuju pelbagai sungai adalah kerana ia tahu memberi laluan dengan cara merendahkan kedudukan diri (江海所以能为百为王者, 以其善下之, 故能为百为王).

66.2 Maka Orang Murni (maharaja) yang hendak mengatasi rakyat jelata, perlulah dia tahu berbahasakan rendah. Yang hendak mengepalai rakyat jelata itu perlulah tahu mengundurkan diri. (是以圣人欲上民, 必以言下之; 欲先民, 必以身后之)

66.3 Oleh sebab yang demikian, Orang Murni yang berada di atasan tidak dirasakan suatu keberatan oleh rakyat. Berada di hadapan tidak dirasakan suatu kerintangan oleh rakyat. (是以圣人处上而民不重, 处前而民不害)

66.4 Inilah sebabnya seluruh alam suka menjunjungnya dan tidak berasa bosan. (是以天下乐推而不厌)

66.5 Kerana dia tidak mahu bersaing, maka seluruh alam tidak dapat bersaing dengannya. (以其不争, 故天下莫能与之争)<sup>6</sup>

Dalam bab ini, maharaja (yang sudah murni perilakunya) itu digambarkan senantiasa merendahkan diri, baik daripada segi bahasa atau dari segi kepimpinannya ('mengundurkan diri') dengan kesedaran bahawa:

- i. rendah diri atau 'tidak mahu bersaing' adalah pimpinan yang terbaik, maka boleh bertahan lama, kerana 'seluruh alam tidak dapat bersaing dengannya';

ii. rendah diri pula adalah percontohan alam, iaitu lautan menjadi tempat takungan semua sungai, kerana ia tahu merendahkan kedudukan dirinya. Rendah diri maharaja banyak disentuh dengan nada yang berbeza dalam *Tao Te Ching*. Antaranya:

2.3 Maka Orang Murni membuat dengan sikap tidak membuat-buat, mengujar dengan cara tidak mengujar-ujar. (是以圣人处无为之事，行不言之教)

2.4 Dia membiarkan segala wujud bertumbuh diri dengan tidak ada campur tangan, membela segala wujud dengan tidak menjadikannya milikan, mengasuh segala wujud tanpa berniat keakuan, menjayakan segala wujud tanpa berniat untuk diperjasakan. (万物作焉而不辞，生而不有，为而不恃，功成而弗居)

Dalam bab ini, rendah diri dimengertikan sebagai tingkah laku maharaja yang tidak membuat-buat, tidak campur tangan sehingga tiada berniat untuk diperjasakan.

10.7 Perihal membela dan mengasuhi segala yang wujud: (生之，畜之)

10.8 Hendaklah ia membelanya tanpa bersifat kepunyaan. Hendaklah ia mengasuhnya tanpa bersifat kesayaan. Hendaklah ia membimbingnya tanpa bersifat kearahan. Inilah yang disebut 'Budi Pekerti Ajaib'. (生而不有，为而不恃，长而不宰，是谓玄德)

22.3 Orang yang tidak mendegilkan dirinya akan nampak dengan jelas. Orang yang tidak mengakukan dirinya akan terserlah. Orang yang tidak membongkakkan dirinya akan dikenang. Orang yang tidak membesarkan dirinya akan menerajui. (不自见，故明；不自是，故彰；不自伐，故有功；不自矜，故能长。)

22.4 Kerana sifatnya yang tidak mahu bersaing, maka tiada sesiapa pun di alam semesta ini boleh bersaing dengannya. (夫惟不争，故天下莫能与之争)

24.1 ...Orang yang mengongkongkan dirinya tidak akan dapat melihat dengan jelas. Orang yang menya-yakan dirinya tidak akan dapat mengetahui kenyataan. Orang yang membongkakkan dirinya tidak akan dapat berbakti. Orang yang mengaku-akukan dirinya tidak akan dapat memimpin. (.....自见者不明；自是者不彰；自伐者无功；自矜者不长)

Dalam bab yang tersebut tadi, rendah diri maharaja dapat dijemakan melalui tingkah laku yang tidak bersifat kepunyaan, kesayaan, kerarahan atau tidak mengakukan diri, tidak membongkakkan diri, tidak membesarkan diri dan lain-lain sekaligus membentuk suatu imej pemimpin yang tidak berebutan berlandaskan 'Budi Pekerti Ajaib'.

Banyak bab lain juga mengajar maharaja agar merendahkan diri, tidak membesarkan diri, tidak membuat-buat dan sebagainya di sepanjang kepimpinannya, terutamanya dalam bab-bab 29, 30, 32 dan 34 yang membentuk falsafah *Te (De)*, iaitu falsafah Taoisme tentang *sifat* segala yang wujud. *Sifat* atau *Te* segala yang wujud itu perlu mengamalkan sifat rendah diri, tidak membesarkan diri, tidak membuat-buat dan sebagainya yang dapat dirumuskan

secara keseluruhannya sebagai sifat *kelembutan* seperti yang disimpulkan dalam bab-bab 36, 40, 43 dan 78. Ini diberi sekadar contoh:

36.3 Yang lembut pasti akan menandingi yang keras. (柔弱胜刚强)

40.1 Pembalikan itu gerak-geri Tao. Kelembutan itu fungsi Tao (反者道之动, 弱者道之用)

43.1 Yang dapat mengendarai Maha Kukuh alam semesta ini adalah yang Maha Lembut. (天下之至柔, 驰骋天下之至坚)

78.1 Tiada yang lebih lembut daripada air di alam semesta ini. Namun, tiada yang dapat menandinginya dalam menerjangkan benda yang keras kerana fungsinya yang tidak tertandingi itu. (天下莫柔弱于水, 而攻坚强者莫之能胜, 以其无以易之)

78.2 Yang lemah itu dapat mengalahkan yang kuat. Yang lembut itu dapat mengatasi yang keras. Sesungguhnya ini telah difahami umum, namun tiada yang dapat melakukannya. (弱之胜强, 柔之胜刚: 天下莫不知, 莫能行)

Kelembutan yang dijelaskan di sini bukanlah sekadar *sifat* atau *Te* yang ada, tetapi lebih sebagai suatu 'fungsi Tao' yang dijadikan yang boleh wujud. Menurut ayat 40.1 iaitu 'pembalikan itu gerak-geri Tao', *Tao* atau *hakiki* wujud dikatakan berhubung 'pembalikan' iaitu senantiasa wujud dalam keadaan pembalikan, yakni akan hidup semula dan berlawanan dengan keghairahan hidup akan maut dengan cepat). Kelembutan yang dimaksudkan di sini adalah pembalikan dalam erti kata yang kedua, iaitu berlawanan iaini tidak berlebih-lebihan akan sesuatu yang akan mendapat lebih pada hakikatnya.

Dalam erti kata yang jelas dan singkat, 'pembalikan' dalam *Tao Te Ching* adalah *hakiki* dan *Tao* wujud, sekaligus membentuk *sifat* atau *Te* wujud yang masing-masing dapat dijelaskan lagi maksudnya seperti yang berikut:

i. 'pembalikan' sebagai hukum *sifat* wujud atau *Te*

Bila *Te* merujuk kepada wujud yang berbentuk semula jadi, maka hukum 'pembalikan' yang dimaksudkan *Tao Te Ching* itu ialah yang berlampau atau berlebihan akan berkembang ke arah lawannya:

23.1 Kurang bermulut (yakni tidak membuat-buat) sahaja yang menepati alam yang bersifat semula jadi. (希言, 自然)

23.2 Oleh sebab yang demikian, angin keras tidak akan bertiup sepanjang pagi, hujan ribut tidak juga akan turun sepanjang hari. (故飘风不终朝, 骤雨不终日)

23.3 Siapakah yang menjadikannya sedemikian? Alam semesta. (孰为此者? 天地)

39.2 Maka langit yang terlampau cerah akan menjadi bocor, bumi yang terlampau aman akan menjadi kerut, Tuhan yang terlampau sakti akan menjadi ketandusan, lembah yang terlampau penuh akan menjadi kehausan, segala yang wujud dengan terlampau segar itu akan menjadi pupus, maharaja yang terlampau memimpin akan menjadi tewas. (其致之也, 谓: 天无以清, 将恐裂; 地无以宁, 将恐废; 神无以灵, 将恐歇; 谷无以盈, 将恐竭; 万物无以生, 将恐灭; 侯王无以贵高, 将恐蹶.)

39.3 Oleh sebab yang demikian, yang mulia hendaklah berakarkan yang hina, yang tinggi hendaklah berasaskan yang rendah. (故贵以贱为本, 高以下为基).

Atas pembalikan wujud semula jadi ini, *Tao Te Ching* merumuskan bahawa yang terlampau atau yang kelebihan suatu yang wujud itu hanya akan dapat diatasi dengan kerendahan dan kehinaannya, manakala 'pembalikan' wujud buatan manusia adalah:

2.1 Seluruh manusia telah menanggapi yang disebut 'indah', maka berbezalah yang 'hodoh'; telah menanggapi yang disebutkan 'amal', maka berbezalah yang 'tidak amal'. (天下皆知美之为美, 斯恶已; 皆知善之为善, 斯不善已.)

11.1 Diikat 30 batang dahan ke atas roda, kerana kekosongan gandarnya, roda itu dapat bergerak. (三十辐共一毂, 当其无, 有车之用).

11.2 Tembikar dibuat daripada tanah, kerana kosong di dalamnya, tembikar itu dapat menanak. (埴埴以为器, 当其无, 有器之用)

11.3 Rumah dibuat daripada pintu dan tingkap, kerana ruang kosong di dalamnya, rumah itu dapat didiami. (凿户牖以为室, 当其无, 有室之用)

11.4 Oleh yang demikian, yang ada itu membawa kemudahan, namun yang tiada itu membolehkannya berfungsi. (故有之以利, 无之以用)

18.1 Bila Tao Mulia Raya tidak diacuhkan lagi, maka tertuntutlah orang peri pentingnya Kekasih dan keadilan. Bila kepintaran besar sudah terjadi, maka terbentuklah kepura-puraan besar. Bila hubungan saudara-mara tidak terjalin lagi, maka tertuntutlah orang peri perlunya rasa hormat (kepada orang tua) dan sayang (kepada orang muda). Bila negara sudah kelam-kabut, maka termuncullah patik sahaya yang taat lagi setia. (大道废, 有仁义. 智慧出, 有大伪. 六亲不和, 有孝慈. 国家昏乱, 有忠臣).

Keadaan wujud buatan manusia yang dihuraikan di atas itu jelas memperlihatkan persamaannya dengan wujud semula jadi, yakni berkelampauan, berkeagungan, berkeisian dan sebagainya yang akan membawa kesan yang sebaliknya, iaitu berkekurangan, berkehinaan, berkekosongan dan sebagainya, sekaligus mengingatkan kita akan perlunya berperilaku keterbalikan.

ii. 'pembalikan' sebagai hukum *hakiki* atau penjadi wujud iaitu Tao

34.1 Tao bagaikan limpahan sungai ke kiri kanan. (大道泛兮, 其可左右)

34.2 Sesungguhnya kehidupan semua yang wujud bergantung padanya, tetapi tidak pernah terganggu. Ia tidak pernah menuntut jasa sekalipun telah melakukan segala-galanya. Tidak pernah meminta untuk dipertuankan walaupun telah menaungi segala-galanya. (万物恃之以生而不辞; 功成而不有; 衣养万物而不为主)

34.3 Ia sentiasa dalam keadaan tidak berniat sehinggakan dipandang remeh oleh orang. Namun kemampuannya menaungi segala yang wujud tanpa paksaan itu dikagumi orang tentang kebesarannya. (常无欲, 可名于小; 万物归焉而不为主, 可名为大)

34.4 Inilah cara pengagungan diri yang tidak mengagungkan diri. (以其终不自为大, 故能成其大)

51.1 Namun Tao melahirkan segala yang wujud tanpa membuatnya menjadi miliknya, mengasuh segala yang wujud tanpa bermodelkan dirinya, membimbing segala yang wujud tanpa menjadikannya taklukannya. Inilah Budi Pekerti yang penuh sakti. (道生之.....51.5 生而不有，为而不恃，长而不宰，是谓玄德)

Sepanjang pengungkapan *Tao Te Ching*, *Tao* banyak kali diibaratkan sebagai air yang paling rendah kedudukannya dan lembut sifatnya, maka adalah wujud yang paling berkelimpahan lagi berkekukuhan mengatasi segala yang wujud di alam, maka semesta ini, selain kejadiannya yang tidak berniat, lantaran sekaligus mengesahkan pengungkapan ayat 40.1, iaitu 'pembalikan itu gerak-geri Tao'.

Oleh sebab hukum wujud dan penyebab kewujudan yang sedemikian, maka *Tao Te Ching* menuntut agar maharaja yang mengetuai segala yang wujud di alam semesta ini senantiasa berperilaku keterbalikan, iaitu merendahkan diri, mengosongkan diri, menghinakan diri, melemahlembutkan diri dan sebagainya sepanjang kepimpinannya menurut bab-bab seperti yang berikut:

22.2 Maka Orang Murni (=maharaja) menangani segala yang wujud dengan tata cara 'Tao'. (是以圣人抱一为天下式)

28.1 Orang yang menyadari kelebihan kekuatan yang ada pada dirinya tetapi menunjukkannya dengan sifat kelembutan yang boleh menjadi hamba sahaya di alam semesta ini. (知其雄，守其雌，为天下溪。)

28.2 Sebagai hamba sahaya, dia tidak akan menjauhi budi pekerti yang abadi. Bahkan kembali kepada keadaan seperti seorang bayi yang suci. (为天下溪，常德不离，复归于婴儿)

28.3 Orang yang mengetahui kelebihan kecerahannya, tetapi sanggup bersinggah di tempat yang malap itu boleh menjadi lembah kepada alam semesta ini. (知其白，守其辱，为天下谷。)

28.4 Sebagai lembah, ia akan memuaskan segala budi pekerti yang abadi dan kembali kepada keadaan benar dan bersahaja. (为天下谷，常德乃足，复归于朴)

28.5 Dari keadaan benar dan bersahaja itu berkembanglah pelbagai kewujudan yang khusus. Orang Murni akan mengurus dan membimbing segala yang wujud dengan tata kebersahajaan. (朴散则为器，圣人用之，则为官长)

28.6 Oleh sebab yang demikian, Pemerintah Yang Maha Sempurna tidak akan mengasingkan satu antara lain. (故大制不割)

37.1 Tao itu selalunya tidak membuat-buat, namun tiada apa yang tidak terbuat olehnya. (道常无为而无不为)

37.2 Jikalau maharaja dapat berpegang kepada peraturan ini, segala yang wujud akan terjadi dengan sendirinya. (侯王若能守之，万物将自化)

Inilah falsafah Taoisme yang bertunjangan kelembutan *Tao* yang perlu dicontohi segala yang wujud agar ia bersifat diri, iaitu *Te* yang melemahlembutkan diri, merendahkan diri, mengosongkan diri dan sifat lain yang setimpal.

Kefalsafahan konsep 'Melayu' dalam *ARRM* memang boleh disahkan menurut falsafah Taoisme yang telah dihurai tadi. 'Melayu' yang dimengerti

sebagai perilaku yang ‘melayukan diri’ itu dengan sadar telah mempunyai persamaan yang jelas dengan falsafah *Te* dalam falsafah Taoisme. Konsep ‘Melayu’ dan falsafah ‘Te’ (falsafah *sifat*) Taoisme itu menuntut sifat kelemahlembutan atau kerendahan diri masing-masing dengan sadar yang barangkali berbeza, iaitu falsafah ‘Te’ yang bersumberkan falsafah ‘Tao’ (falsafah *hakiki*), sedangkan konsep ‘Melayu’ itu masih perlu dikesani sumber kesedarannya. Walau bagaimanapun, kekurangan buat sementara waktu ini tidak menjejaskan konsep ‘Melayu’ dalam *ARRM* sebagai konsep falsafah yang sesungguhnya boleh dipersamakan dengan falsafah ‘Te’ dalam Taoisme.

### ‘MELAYU’ SEBUAH FALSAFAH TAOISME ATAU KONSEP SAHAJA YANG TAOISME?

Seperti yang telah dikupas tadi, pengertian ‘Melayu’ dalam *ARRM* yang menuntut sifat lemah lembut dalam perilaku secara sadar itu perlu dikesani lebih lanjut tentang sumber atau punca kesedarannya. Pengesanan ini adalah perlu kerana ia dapat menggarisbawahi sejauh mana ‘Melayu’ itu dapat disamakan dengan falsafah Taoisme yang menjadi pokok perbincangan makalah ini.

Bagi memudahkan perbincangan, biarlah makalah ini mengulangi dua perkara yang perlu diamati sepanjang pengesananannya, iaitu:

- i. yang perlu melemahlembutkan diri itu adalah maharaja yang mengetuai segala yang wujud di alam semesta ini dengan menepati hukum pembalikan *sifat* wujud (yakni yang maha kuasa itu perlu menghinakan diri bagi mengekalkan kemahakuasaannya) iaitu *Te*;
- ii. peri kelemahlembutan maharaja itu pula adalah contoh atau penunaian *hakiki* wujud iaitu Tao;

Dengan erti kata lain, apakah pengertian ‘Melayu’ dalam *ARRM* itu didasarkan juga sebagai *sifat* wujud yang perlu diteladani maharaja bagi menemukan *hakiki* wujud yang mampu disetimpalkan dengan falsafah Taoisme?

Bagi perkara pertama, kesetimpalan itu barangkali telah dibuntukan sifat yang berbeza antara kedua-dua *ARRM* dan *Tao Te Ching*. *ARRM* adalah karya ‘adat raja-raja Melayu’ dan bukannya karya kepimpinanan raja seperti yang dijuruskan *Tao Te Ching*. Sepanjang perbincangan tentang adat-adat raja yang merangkumi adat hamil, adat bersalin, adat bercukur rambut, adat bersiram, adat membuat bini, adat menaiki takhta, adat membayar nazar, hingga akhirnya kepada adat raja mangkat, perihal kelemahlembutan yang disebut itu tersangat sedikit, kecuali yang telah dipetik seperti di bawah ini:

“Bermula jika ditanyai raja pada kita di hadapan majelis, ‘Salahkah kataku itu?’ Maka jika salah sekalipun, pada saat itu hendaklah kita sembahkan, ‘Yang seperti titah itu sebenarnya, Tuanku.’ Tetapi kemudian apakala tiada banyak orang, maka baharulah kita sembahkan pula mana pendapat kita sebenar-benarnya. Di dalam itu, jika pekerjaan yang menghendaki lekas di hadapan majelis itu, maka hendaklah kita persembahkan suatu ciri



tersurat di dalamnya yang seperti pendapat kita, supaya dipikirkan raja. Inilah adatnya. Tiada boleh sekali-kali kita menyangkalkan segala perkataan raja-raja".<sup>7</sup>

"Ini rencana sirat sembah pada raja kerajaan; demikian bunyinya: Daulat Tuanku Stah Alam, zill Allah fi 'l-'alam, ampun Tuanku beribu-ribu ampun; patik ini Si Polan, hamba yang teramat hina daripada sekalian yang hina, merapakkan sembah ke bawah tapak Cerpu Duli Yang Dipertuan Yang Mahamulia, serta patik memohonkan ampun beribu-ribu ampun yang teramat limpah sedia terjunjung ke atas jemala atau ubun-ubun".<sup>8</sup>

Berdasarkan petikan di atas, pihak yang dituntut dalam *ARRM* agar melemahlembutkan diri itu adalah golongan hamba sahaya, baik daripada segi bahasa (hamba yang teramat hina daripada sekalian yang hina) atau tingkah laku (tiada boleh sekali-kali kita menyangkal semua kata raja-raja') yang ternyata tidak menepati hukum 'pembalikan' yang telah disifatkan.

Orang yang berkedudukan rendah, seperti hamba sahaya yang melemahlembutkan diri itu bukanlah suatu pembalikan yang kita fahami dalam *Tao Te Ching* kerana perilaku itu serasi dengan orang yang berkedudukan bawahan itu. Pembalikan *Tao Te Ching* itu merujuk kepada orang atasan yang besar kuasanya, sedangkan perilakunya bagaikan hamba sahaya yang serba kekurangan sehinggakan perlu melemahlembut dan menghinakan diri.

Ketidaksetimpalan ini dapat disahkan lagi dengan pemakaian kata 'sahaya' dalam *ARRM* yang merujuk kepada golongan bawahan, sedangkan dalam *Tao Te Ching* itulah yang menjadi kata ganti diri pertama orang atasan. 'Sahaya' adalah kata pinjaman Sanskerta dalam bahasa Melayu kuno yang dapat dijelaskan makna bahasa dan falsafahnya masing-masing seperti yang berikut:

- i. 'sahaya' secara morfologi ialah kata nama bersifat daif dengan maksud 'untuk' atau 'kepada' ('-ya') 'bumi' ('saha-') iaitu 'untuk bumi', 'kepada bumi' atau 'ke tempat bumi';
- ii. 'bumi' atau 'saha' merujuk kepada tempat di bawah duli yang penuh kesengsaraan, menurut mitos dan kosmologi Hinduisme, berbanding dengan tempat di atas duli yang sudah terlepas daripada segala kesengsaraan;
- iii. bezanya dan implikasi kedua-dua tempat itu adalah orang yang mendiami tempat di bawah duli itu adalah mereka yang diperhambakan, sedangkan orang yang berada di tempat atas duli itu adalah orang yang dipertuankan seperti yang dijelaskan dalam *ARRM* mengenai konsep 'duli':

Adapun memuji raja itu hendaklah dibahasakan dengan Duli Yang Mahamulia... Adapun mengatakan pada raja itu 'duli' artinya yaitu duli lebu pasir yang di bawah telapak kakinya.<sup>9</sup>

- iv. raja hendak dipuji dengan bahasa 'duli' kerana di situlah tempatnya (dan bukan 'paduka' kononnya) hamba sahaya mampu menyembah raja, sekaligus menjelaskan hamba sahaya tidak bersekedudukan dengan raja yang masing-masingnya berada di tempat bawah dan atas duli.

Oleh sebab yang sedemikian, 'sahaya' telah dijadikan kata ganti diri pertama, iaitu 'saya' bagi orang bawahan, sedangkan raja menamakan diri sebagai 'beta' (juga adalah kata pinjaman Sanskerta). Keadaan ini agak berbeza dengan kata ganti diri pertama raja Cina dalam dunia nyata yang telah diungkapkan dalam *Tao Te Ching* dalam bab-bab yang berikut:

39.3 Oleh sebab yang demikian, yang mulia hendaklah berakarkan yang hina, yang tinggi hendaklah berasaskan yang rendah. (故贵以贱为本, 高以下为基)

39.4 Itulah sebabnya maharaja menggelarkan diri sebagai 'gujia' (tetangga terpencil), 'guaren' (orang yang serba kurang) dan 'puxia' (patik yang hina). (是以侯王自谓孤、寡、不谷)

42.3 Panggilan yang dihindari orang seperti 'gujia', 'guaren' dan 'puxia' telah menjadi kata ganti diri pertama kepada orang bangsawan. (人之所恶, 唯孤、寡、不谷, 而王公以为称)

Raja tidak menganggap dirinya sebagai golongan atas duli yang sedia disembah hamba sahaya di bawah duli, berbanding dengan konsep 'sahaya' dan 'duli' yang telah dihurai di atas, melainkan orang yang terdiri daripada 'tetangga terpencil', 'orang yang serba kurang', 'patik yang hina', yang barangkali lebih malang, lagi tidak bernasib baik daripada khalayak ramai. Kata-kata ganti diri pertama raja Cina seumpama ini telah dipergunakan dalam *Tao Te Ching* sebagai bukti hukum pembalikan serta keberkesanan falsafah *Te* yang diungkapkannya.

Ketidaksetimpalan konsep 'Melayu' dalam *ARRM* dengan falsafah '*Te*' dalam *Tao Te Ching* itu barangkali telah membuntukan lagi kemungkinan kebersamaan kedua-duanya di tahap *Tao*, iaitu *hakiki* wujud. *ARRM* adalah karya tentang adat semata-mata, maka tidak melibatkan falsafah wujud seperti dalam *Tao Te Ching* yang mengajar kepimpinan raja dengan bercontohnya hukum alam semesta. Konsep 'Melayu' yang difahami dalam *ARRM*, iaitu 'kemelayuan' itu barangkali berlandaskan kenyataan golongan hamba sahaya yang perlu melemahlembutkan diri terhadap golongan pemerintah atas sebab jurang kedudukan yang jelas. Sebaliknya, *Tao Te Ching* adalah karya yang mewacanakan kepimpinan raja dari segi falsafah *wujud*, iaitu menilai kepimpinan raja menurut ukuran wujud yang lebih tinggi lagi mendasar:

51.2 Inilah sebabnya segala yang wujud menyanjungi *Tao* dan menjunjungi *Te*. (是以万物莫不尊道而贵德)

Betapa tingginya kedudukan atau besarnya kuasa maharaja itu, menurut *Tao Te Ching*, ia tidaklah setinggi atau sebesar hukum wujud atau wujud itu sendiri. Atas kesedaran bahawa maharaja (dan khalayak ramai) juga adalah suatu yang wujud yang tidak boleh terlepas daripada hukum wujud, selain maharaja itu bertanggungjawab untuk menjaga kesucian hukum wujud ini, maka *Tao Te Ching* telah melayakkan diri sebagai karya kepimpinan raja yang berpandukan

falsafah wujud. Inilah yang membezakan *ARRM* dan *Tao Te Ching* daripada segi pengkaryaan, sekaligus tahap perilaku 'kemelayuan' yang menjadi pokok perbincangan makalah ini.

## KESIMPULAN

Selayang pandang, pengertian 'Melayu' dalam *ARRM* yang menuntut agar orang itu memelayukan diri dengan merendahkan diri dengan sedar itu mempunyai persamaan dengan falsafah *Te* yang diajar dalam *Tao Te Ching*. Namun, keduanya tidak dapat disamakan secara bulat-bulat kerana 'Melayu' tidak dibayangkan sebagai hukum pembalikan wujud dalam *ARRM*, seperti falsafah *Te* yang telah diungkapkan dalam *Tao Te Ching*. Dengan erti kata lain, walaupun pengertian 'Melayu' dalam *ARRM* itu mempunyai implikasi falsafah *Te* Taoisme, tetapi ia belum lagi boleh diterima sebagai konsep falsafah yang sama dengan falsafah Taoisme.

Apakah boleh dirumuskan kononnya 'Melayu' bukanlah suatu konsep falsafah ala Taoisme yang berlandaskan hukum pembalikan wujud? Kita telah diperingatkan sejak awal-awal lagi bahawa pengertian 'Melayu' yang diungkapkan dalam *ARRM* itu merupakan suatu pengertian:

- i. 'itulah arti "Melayu" yang dibahagikan orang dahulu-dahulu';
- ii. 'itulah adalah hamba (di Melaka) terima daripada Tuan Haji Abdul Arib di dalam negeri Riau adanya';

Ini menunjukkan bahawa pengertian 'Melayu' dalam *ARRM* itu suatu warisan bersama yang diulang dan difahami. Ketidaksetimpalan antara pengertian 'Melayu' dengan falsafah *Te* Taoisme itu boleh dinisbahkan hanya kepada *ARRM* dan bukannya konsep 'Melayu' itu sendiri. Bagi mengesahkan ketidaksetimpalan itu secara hakiki, dan demi menyimpulkan perbincangan dalam makalah ini, barang kali kita perlu mempunyai bukti-bukti lain daripada karya-karya kuno Melayu, selain *ARRM* yang telah diperkatakan ini.

## NOTA

<sup>1</sup> Maklumat lanjut tentang penterjemahan karya-karya falsafah Cina ke dalam bahasa Melayu-Indonesia boleh didapati dalam Tee Boon Chuan, 'Pustaka Falsafah China: Pengalihan Bahasa Melayu-Indonesia serta Ketepatannya', dalam Radiah Yusoff dan Goh Sang Seong peny, *Penterjemahan Bahasa Cina-Bahasa Melayu* (Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia dan Universiti Sains Malaysia, 2009):127-143.

<sup>2</sup> Lihat Ahmad Kamal Abdullah dll, *Sejarah Kesusasteraan Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006): 264.

<sup>3</sup> Lihat Perkara 160 (2), *Perlembagaan Persekutuan* (pindaan hingga Ogos 2007).

<sup>4</sup> Kelemahan lain pengertian *Perlembagaan Persekutuan* juga dikupas oleh Anthony Milner, *The Malays* (West Sussex: Wiley-Blackwell, 2008): 2-4.

<sup>5</sup> Lihat Panuti H. M. Sudjiman, *Adat Raja-Raja Melayu* (Jakarta: Penerbit Universitas

Indonesia, 1996): 142-143. Pengertian ini hanya terdapat dalam lima daripada sepuluh salinan *Adat Raja-Raja Melayu* iaitu MSB, MSC, MSD, MSE dan MSJ menurut pengelasan Panuti H. M. Sudjiman.

<sup>6</sup> Kesemua terjemahan *Tao Te Ching* dalam makalah ini adalah dipetik daripada Tee Boon Chuan terj, *Laozi* yang bakal diterbitkan The Mentor pada akhir tahun 2010 atau awal tahun 2011. Atas kehendak penerbit, penterjemahan ini berlandaskan salinan *Laozi* yang maksudnya ditafsir oleh Fu Peirong, profesor yang mengajar di Jabatan Pengajian Falsafah, Universiti Kebangsaan Taiwan, Taiwan.

<sup>7</sup> Lihat Panuti H.M. Sudjiman, *Adat Raja-Raja Melayu*:145.

<sup>8</sup> Ibid:146-147.

<sup>9</sup> Ibid:146.

(Sumber asal: Kertas kerja dalam bahasa Cina dengan “Melayu” 果真是道家的民族吗? yang sudah dibentangkan di Persdangan Bandingan Pengajian Melayu dan Pengajian Cina di Universiti Tuanku Abdul Rahman di Petaling Jaya pada 25 September 2010).

Penulis dan Penterjemah: Tee Boon Chuan, Ph D  
Institut Pengajian Cina  
Universiti Tunku Abdul Rahman  
13, Jalan 13/6  
46200, Petaling Jaya

Emel: teebc@utar.edu.my